

Kedai jual barang tiruan dengan harga original diserbu

PETALING JAYA - Sebuah premis di pusat beli-belah yang dipercayai menjual barang tiruan digempur pihak berkuasa menerusi Ops Jeriji di Daman-sara di sini semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan

Abdullah berkata, operasi bermula jam 11 pagi itu dijalankan sepasukan anggota KPDNHEP cawangan Petaling Jaya.

“Hasil pemeriksaan di premis terbabit, KPDNHEP menyita sejumlah 335 pakaian dan kasut jenama Adidas tiruan berjumlah RM23,680.

“Barangan tiruan itu dijual

dengan harga RM40 sehingga RM400 dan memaklumkan ia tulen serta *reject* dari kilang,” katanya di sini semalam.

Kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dan syarikat boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap satu barangan yang cap dagangan dipakai dengan salah.

